



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 27 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAT SABU: CHICKEN AND EGG SUPPLY SUFFICIENT AHEAD OF RAMADAN, NATION, THE STAR, /S – 4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	JAS JOHOR, JABATAN PERIKANAN SIASAT INSIDEN PENCEMARAN AIR SUNGAI SAYONG, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	BERITA BAIK UNTUK 4,000 PESAWAH DI KELANTAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 23	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
4.	STESEN PAM KEMUBU 4 BERFUNGSI PENUH FEBRUARI ATASI KEMARAU, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 13	
5.	SABAH FOCUSES ON RAISING FOOD PRODUCTION TO BOOST SELF-SUFFICIENCY, NATION, THE STAR, M/S – 5	LAIN – LAIN
6.	AHLI PARLIMEN RAUB CADANG WUJUDKAN LEMBAGA DURIAN, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	
7.	SEED 2030: SELANGOR KUKUH SEKURITI MAKANAN, SASAR LONJAK PENGELUARAN DAN PASARAN GLOBAL, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 15	
8.	PROJEK TERNAKAN BABI DI BUKIT TAGAR DIBATALKAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 2	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Mat Sabu: Chicken and egg supply sufficient ahead of Ramadan

KUALA LUMPUR: The supply of chicken and eggs is expected to remain sufficient, with no anticipated disruptions, particularly ahead of the Ramadan period next month, said Datuk Seri Mohamad Sabu (pic).

The Agriculture and Food Security Minister said the projection was based on the ministry's data, which showed that the supply of both items is currently stable and well within market demand levels.

However, he said there are several factors, such as smuggling,

that could potentially disrupt market supply.

"That is why we want all parties involved to strengthen enforcement and control efforts to prevent such activities from occurring."

"The ministry will also ensure that chicken imports remain balanced with local production, so as not to undermine domestic producers," he said while responding to a supplementary question in Dewan



Rakyat yesterday.

Sabak Bernam MP Kalam Salan had asked what measures were in place to ensure a stable chicken supply in the market, while also reducing reliance on imports to safeguard the income of small and medium-scale breeders.

In response to a supplementary question from Belong MP Datuk Dr Richard Ratu on measures to assist small-scale breeders facing rising chicken feed costs,

Mohamad said the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) and the Agriculture Department had developed alternative raw materials for livestock feed.

The alternative livestock feed includes the use of palm kernel, black soldier fly larvae and locally-grown maize, he added.

Mohamad, reported Bernama, said a total of 15 companies are involved in the local maize cultivation initiative, with initial government support provided in the form of financing and

logistical assistance.

On transitioning to a closed-coop system, Mohamad said the transformation process takes into account breeders' readiness, particularly regarding infrastructure and logistical capacity.

"As of December last year, a total of 19 financing facilities for the livestock sub-sector, amounting to RM62.7mil, have been approved."

However, no subsidies were provided specifically for the transition to a closed-coop system."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	10

Johor Bahru: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor dan Jabatan Perikanan sedang menyiasat insiden pencemaran air Sungai Sayong di Kampung Orang Asli Sayong Pinang di sini yang dilaporkan bertukar gelap kehitaman pagi kelmarin.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Panti Hashrin Hashim berkata beliau telah menerima aduan daripada penduduk berhubung insiden itu dan segera meminta kedua-dua jabatan mengenal pasti punca pencemaran serta tahap kesannya terhadap alam sekitar dan sumber perikanan setempat.

"Isu pencemaran sungai bukan perkara kecil. Ia

JAS Johor, Jabatan Perikanan siasat insiden pencemaran air Sungai Sayong

memberi kesan langsung kepada kehidupan penduduk, nelayan darat, ekosistem sungai dan kelestarian alam sekitar. Kita tidak boleh berkompromi dengan sebarang bentuk pencemaran yang menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat," katanya.

Beliau berkata susulan aduan penduduk berhubung perubahan warna air sungai itu satu pemeriksaan telah dijalankan oleh JAS Johor pada 3.15 petang kelmarin.

"Pasukan JAS telah tiba

di jeti Kampung Orang Asli Sayong Pinang dan mendapati air sungai memang berwarna gelap kehitaman. Wakil penduduk yang juga pengadu telah ditemui bagi mendapatkan maklumat lanjut.

"Menurut pengadu kejadian disedari sekitar 10 pagi dan setakat pemeriksaan dibuat, tiada ikan mati dikesan sama ada di sungai mahupun di sangkar milik penduduk. Pengadu turut memaklumkan bahawa aliran air dipercayai dari arah Kilang Sawit Penggeli (KKS Penggeli). Ujian kua-

liti air menggunakan alat YSI turut dijalankan oleh pihak JAS di lokasi," katanya menerusi hantaran tersebut.

Hahasrin berkata siasatan ke KKS Penggeli mendapati tiada pelepasan effluen berlaku, manakala air larian dari kawasan Empty Fruit Bunch (EFB) pula dialirkan ke telaga sebelum ke kolam fakultatif, dan tinjauan dron serta pemeriksaan parit tidak menemui limpahan atau kebocoran effluen.

Selain itu, beliau berkata dapatan awal JAS tidak me-

nemui sebarang bukti pencemaran daripada KKS Penggeli dan tiada petunjuk kilang itu menyumbang kepada pencemaran Sungai Sayong, namun siasatan lanjut akan diteruskan ke bahagian hulu sungai bagi mengenal pasti punca sebenar.

Hahasrin berkata beliau akan terus memantau perkembangan bagi memastikan tindakan susulan diambil demi kebajikan penduduk serta kelestarian alam sekitar dan merakamkan penghargaan kepada penduduk yang cakna

serta JAS Johor dan Jabatan Perikanan atas tindakan pantas.

Pada 31 Oktober lepas, tiga kampung iaitu Kampung Orang Asli Sayong Pinang, Kampung Orang Asli Pasir Intan dan Kampung Orang Asli Kempas Menang dilapor terjejas akibat pencemaran sungai apabila kolam cucian pasir pecah di Ulu Sungai Johor bernampiran Kampung Orang Asli Sayong Pinang.

Susulan insiden itu, aktiviti nelayan di sepanjang Ulu Sungai Johor dilaporkan terjejas selain turut mengakibatkan gangguan bekalan air di daerah Johor Bahru, Kulai, Pontian dan Kota Tinggi.

Berita baik untuk 4,000 pesawah di Kelantan

Gabungan Sistem Pam Kemubu mampu bekalkan air dua kali ganda daripada kapasiti diperlukan

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU - Sistem Pam Kemubu 4 baharu yang dibangunkan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) melepasi ujian awal dan dijangka mula beroperasi bulan depan.

Pengerusi KADA, Khalid Abdul Samad berkata, ujian dijalankan bagi menilai operasi asas sistem sebelum ia digunakan sepenuhnya bagi menangani masalah pengaliran sawah padi khususnya ketika musim kemarau.

Menurut beliau, Sistem Pam Kemubu 4 dilengkapi lapan pam utama yang mampu beroperasi serentak selain disokong empat pam tambahan, sekali gus menyediakan kapasiti bekalan air mencukupi untuk lebih 4,000 pesawah.

"Projek ini dilaksanakan dalam dua pakej utama bernilai RM20 juta dan direka dengan mengambil kira faktor kelestarian termasuk mengurangkan risiko hakisan tebing sungai serta memastikan aliran air lebih stabil.

"Masalah bekalan air bukan berpunca

daripada kekurangan sumber air sungai, sebaliknya berkaitan keupayaan sistem menarik dan menyalurkan air mengikut keperluan sebenar di peringkat sawah," katanya di Stesen Pam Kemubu, di sini, pada Ahad.

Turut hadir, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi negeri, Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Khalid berkata, setiap sistem beroperasi mengikut fasa penanaman padi dan ada masanya air disalurkan dalam jumlah besar.

"Pam baharu ini dijangka memberi manfaat dan kelegaan kepada pesawah di Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh.

"Gabungan Sistem Pam Kemubu 2, 3 dan 4 mampu membekalkan air melebihi keperluan semasa, malah hampir dua kali ganda daripada kapasiti diperlukan," katanya.

Sementara itu, Khalid berkata, projek menaik taraf Sistem Pam Kemubu 3 yang tertangguh lebih 160 hari berikutnya kerana penanaman cerucuk yang tidak dapat dilaku-



Khalid (dua dari kanan) mendengar keterangan mengenai Sistem Pam Kemubu 4 di Kota Bharu.

kan kerana lapisan batu hampar yang keras dan tebal.

"Anggaran awal mendapati lapisan batu sungai tidak terlalu tebal, namun apabila kerja dijalankan, keadaannya jauh lebih mencabar. Ini memberi kesan kepada kos serta

kaedah pelaksanaan kerja penanaman cerucuk," katanya.

Ujarnya, projek berkenaan dijangka siap Mei ini dan pihaknya akan mengadakan pertemuan bersama kontraktor bagi mencari penyelesaian terbaik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13

Stesen Pam Kemubu 4 berfungsi penuh Februari atasi kemarau

Oleh **MUSTAQIM MOHAMED**
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Stesen Pam Kemubu 4 dijangka beroperasi sepenuhnya pada awal Februari ini sekali gus menyelesaikan masalah bekalan air dan ancaman kemarau yang saban tahun menjejaskan petak-petak sawah di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Pengerusi KADA, Khalid Abdul Samad berkata, ujian awal ke atas dua daripada lapan pam di stesen berkenaan berjalan lancar yang memberikan keyakinan bahawa keseluruhan sistem bernilai hampir RM20 juta itu berfungsi sepenuhnya, termasuk empat pam tambahan di Lemal, Pasir Mas, dekat sini.

"Kemubu 4 mampu menyediakan bekalan air mencukupi bagi 16,000 hektar bendang melibatkan lebih 4,000 pesawah di Bachok, Kota Bharu dan Pasir Puteh," katanya selepas menyaksikan ujian awal di Stesen Pam Kemubu, di sini, semalam.

Khalid berkata, KADA memutuskan pada masa hadapan hanya Kemubu 2, 3 dan 4 akan digunakan manakala Kemubu 1 yang dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein pada 2 Mac 1973



OPERASI menguji Pam Kemubu 4 Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Stesen Pam Kemubu, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan, semalam. - UTUSAN/KAMARUL BISMI KAMARUZAMAN

dimansuhkan daripada operasi penuh.

Katanya, ia berikutan Rumah Pam Kemubu 1 masih menggunakan sistem lama yang memerlukan ketinggian paras air minimum 4.9 meter untuk berfungsi, yang sukar dicapai dalam keadaan iklim semasa pada masa kini.

"Jadi kita bergantung kepada

Kemubu 2, 3 dan 4 yang mana jika bergerak serentak mampu menyediakan bekalan air dua

kali ganda daripada kapasiti diperlukan.

"Rumah Pam Kemubu 2

boleh berfungsi dengan paras air minimum 3.5 meter sementara Rumah Pam Kemubu 3 memerlukan paras air minimum 2 meter. Stesen Pam Kemubu 4 pula mampu berfungsi walaupun paras air minum hanya satu meter," ujarnya.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya akan bertemu pemaju yang melaksanakan pembinaan Rumah Pam Kemubu 3 untuk mengambil kata putus serta pilihan sama ada mahu meneruskan kerja atau sebaliknya.

"Pembinaan Kemubu 3 tergendala lebih daripada 160 hari berikutan masalah teknikal apabila pihak pemaju gagal menggerudi batu hampar yang terlalu keras dan besar dalam sungai di kawasan berkenaan.

"Masalah itu tidak dapat diselesaikan dan pihak pemaju dilihat sudah berehat dari mengerjakan kerja. Memang kita akan bincang dengan kontraktor untuk mendapatkan kata dua daripada kata putus, sama ada mereka mahu teruskan atau kita cari kontraktor ganti," katanya.

**LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL
RUMAH BERBANDUNG 1 TINGKAT**

Sabah focuses on raising food production to boost self-sufficiency

By MUGUNTAN VANAR
vmugu@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Sabah is focused on increasing food production to strengthen food security and self-sufficiency to reduce dependence on imported food, said state Agriculture, Fisheries and Food Industry (Maffi) Minister Datuk Jamawi Jaafar.

He said increasing production was a strategic priority that focuses on padi, cattle, poultry, as well as vegetables and fisheries to ensure price stability and sufficient supply.

In line with this effort, he said Maffi was boosting productivity and modernising the agriculture and fisheries sectors by reducing the reliance on traditional farming and fishing methods.

"The agriculture, fisheries and food industries are strategic pillars of development, not only to guarantee food security, but also to strengthen the economy and generate income for rural communities," he said at the ministry's New Year 2026 celebration at Wisma Pertanian Sabah here yesterday.

"All our ministry's plans and implementation must align with the Sabah Maju Jaya agenda as well as through close cooperation between the state and Federal Government."

Jamawi said the transition to smart farming, mechanisation, precision agriculture, and the use of data, technology and innovation must be accelerated through collaboration between universities and research institutions.

He also said the future of Sabah's agriculture and fisheries sector depended heavily on young people, and the sector must be positioned as a viable, dignified and profitable career.

"The state government will continue to support the development of youth agropreneurs, empower new businesses and cooperatives, and improve access to land, financing and technical support."

Jamawi reminded ministry staff that good governance, efficient delivery systems and high levels of integrity, with zero tolerance for leakages and inefficiency as key to meeting the state's targets of self sufficiency.

He urged all ministry officers, departments and agencies at both state and federal levels to be proactive by going to the ground and resolving people's issues.

"Inter-agency cooperation must be strengthened by breaking down silos between departments, federal agencies, government-linked companies and the private sector through public-private partnerships."

Commenting on the challenges of climate change, he said the ministry will promote sustainable agricultural practices, the use of climate-resilient crops and responsible land management.

Ahli Parlimen Raub cadang wujudkan Lembaga Durian

KUALA LUMPUR – Kerajaan diminta menubuhkan Lembaga Durian Malaysia bagi mewujudkan ekosistem industri durian yang lebih telus dan adil di negara ini.

Ahli Parlimen Raub, Chow Yu Hui berkata, penubuhan lembaga berkenaan penting bagi menangani pelbagai isu struktur pasaran yang menjejaskan pekebun.

“Khususnya berkaitan pengedaran dan penentuan harga durian,” kata ketika membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat semalam.

Yu Hui berkata, Lembaga Durian Malaysia akan berperanan menetapkan standard pengedaran durian yang lebih seragam, meningkatkan ketelusan harga pasaran serta membela nasib pekebun di seluruh negara.

Ujar beliau, dalam banyak kes, buah musang king gred A diturunkan kepada gred B, gred B kepada gred C bukan kerana kualiti sebenar, tapi kuasa tawar menawar yang tidak seimbang.

DEWAN RAKYAT

Kata beliau, keadaan itu menyebabkan harga jatuh dan pekebun tiada mekanisme untuk mencabar penilaian itu.

Tambah beliau, kewujudan Lembaga Durian Malaysia juga mampu memperkukuh kedudukan pekebun melalui penglibatan koperasi, menyediakan akses kepada pasaran yang lebih luas serta mewujudkan mekanisme aduan bagi golongan berkenaan.

Selain itu, katanya, lembaga berkenaan turut boleh berperanan dalam penyelarasan isu hak guna tanah pekebun melalui kerjasama dengan kerajaan negeri dan agensi berkaitan.

Jelasnya, ia bagi memastikan pekebun yang benar-benar mengusahakan tanah mereka.



DURIAN premium seperti musang king menjadi tumpuan ketika harga raja buah itu jatuh tahun ini.

SEED 2030: Selangor kukuh sekuriti makanan, sasar lonjak pengeluaran dan pasaran global

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) melancarkan Pelan Transformasi Agribisnis 2026-2030 (SEED 2030) bagi memperkukuh sekuriti makanan negeri dan menjamin akses makanan rakyat dalam menghadapi ketidakpastian global.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pelan strategik lima tahun itu merangkumi sasaran menyeluruh melibatkan sektor perladangan, ternakan, tenusu, peruncitan dan pasaran antarabangsa.

Menurut beliau, pengeluaran kelapa sawit disasarkan meningkat 64.9 peratus kepada 735,000 tan metrik berbanding 445,000 tan metrik bagi tempoh 2021 hingga 2025.

"Sektor ternakan ayam pula disasarkan mencapai 20.1 juta ekor, berbanding 6.31 juta ekor dalam tempoh sama sebelum ini," ujarnya ketika ditemui pemberita selepas majlis pelancaran SEED 2030 di sini pada Isnin.

Amirudin turut memaklumkan projek Ehsan Dairy Farm di Bukit Tagar akan memulakan operasi rasmi pada Mac depan, dengan sasaran pengeluaran sehingga 32,850 liter susu.

Jelasnya, Selangor Food Valley (SFV) pula disasarkan mencatat peningkatan pengeluaran sebanyak 22 peratus kepada 500,000 orang, berbanding sekitar 400,000 pengunjung ketika ini.

"Dalam sektor peruncitan, rangkaian Produk Ehsan akan diperluaskan kepada 98 hingga 100 unit SKU bagi menembusi pasaran Timur Tengah dan Eropah.

"Jualan Produk Ehsan bagi tempoh 2022 hingga 2024 merekodkan nilai kira-kira RM204.8 juta, dengan sasaran melebihi

RM1.54 bilion menjelang 2030," tambahnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Datuk Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, SEED 2030 bukan sekadar pelan korporat, sebaliknya komitmen jangka panjang membina sistem makanan negeri berdaya tahan.

Beliau berkata, pelan itu dibangunkan berasaskan pengalaman PKPS sepanjang 2021 hingga 2025, termasuk pelaksanaan Jualan Ehsan Rahmah (JER) yang diiktiraf oleh Malaysia Book of Records.

Menurutnya, PKPS kini membangunkan Gudang Makanan Selangor (GMS) sebagai rizab makanan strategik negeri pertama di Malaysia.

"Ketika ini GMS menyediakan kapasiti simpanan 5,000 tan beras dan 1,000 tan daging, dengan perancangan meningkatkan daya tahan bekalan sehingga enam bulan dalam tempoh lima tahun," tambahnya.

SEED 2030 digerakkan melalui lima teras strategik, disokong oleh empat anak syarikat utama PKPS serta penggunaan automasi, analitik data dan sistem berasaskan kecerdasan buatan (AI).

Pada masa sama, PKPS mengurus hampir 1,000 hektar kawasan SFV dan lebih 5,000 hektar ladang kelapa sawit di seluruh negara.

Pengeluaran sawit disasarkan mencecah 735,000 tan menjelang 2030 tanpa peluasan kawasan tanaman, dengan hasil dilaburkan semula bagi inisiatif sekuriti makanan.

Dalam perkembangan lain, rangkaian Ehsan Mart disasarkan berkembang daripada 16 kepada 200 cawangan.

Lebih 40 barangan keperluan asas turut disubsidi melalui Jualan Ehsan Rahmah Madani di hampir 3,800 lokasi, memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah.



Amirudin (dua dari kiri) diiringi Mohamad Khairil (dua dari kanan) menyempurnakan majlis pelancaran SEED2030 di Shah Alam pada Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	15

**KONTROVERSI PROJEK
PENTERNAKAN BABI
DI BUKIT TAGAR****10 Januari**

Sultan Selangor menzahirkan dukacita dan tidak bersetuju dengan perancangan kerajaan negeri membenarkan operasi sementara penternakan babi di Tanjong Sepat, sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar pada 2030.

12 Januari

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Izhah Hashim berkata, pemindahan ladang penternakan babi ke lokasi khas di kawasan Bukit Tagar, Hulu Selangor akan disegerakan pada tahun ini berbanding perancangan terdahulu yang dijangka pada 2030.

13 Januari

Kerajaan negeri akan menyegerakan kajian penilaian Impak alam sekitar (EIA) dan sosial (SIA) sebelum melaksanakan pembangunan ladang ternakan babi berpusat di Bukit Tagar.

16 Januari

37 NGO Melayu Islam menyerahkan memorandum bantahan cadangan projek ladang babi berskala besar di kawasan berdekatan penduduk Melayu di Bukit Tagar.

17 Januari

Penduduk Felda di sekitar Hulu Selangor meneruskan perhimpunan membantah cadangan memindahkan pusat penternakan babi dari Tanjong Sepat ke Bukit Tagar yang didakwa terlalu hampir dengan kawasan penempatan dan sumber air.

23 Januari

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesyorkan projek ternakan babi berpusat di Bukit Tagar yang menimbulkan keresahan masyarakat setempat dibatalkan terlebih dahulu ataupun dipindahkan di kawasan baharu yang lebih baik.

26 Januari

Kerajaan Selangor memutuskan projek ternakan babi di Bukit Tagar dibatal dan ditangguhkan sementara lokasi alternatif atau kaedah yang lebih sesuai ditemui.

Projek ternakan babi di Bukit Tagar dibatalkan

Lokasi alternatif masih jadi tanda tanya kerana keputusan masih belum dimuktamadkan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor membatalkan projek ternakan babi di Bukit Tagar, Hulu Selangor dan menangguhkan sementara lokasi alternatif atau sehingga kaedah lebih sesuai ditemui berikutan bantahan keras penduduk serta keperluan penelitian lebih menyeluruh.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, isu itu telah dibincangkan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebelum ini termasuk arahan kepada Exco Infrastruktur dan Pertanian, Datuk Ir Izhah Hashim untuk mencari kawasan alternatif berikutan bantahan penduduk berhampiran kawasan tersebut.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri telah dimaklumkan mengenai perkara ini pada Rabu lalu.

"Kita sedar terdapat bantahan keras, maka saya arahkan supaya alternatif kawasan lain dikenal pasti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui semasa sidang akhbar selepas Amanat Tahun Baharu 2026 di Dewan Raja Muda Musa, Kompleks Belia Dan Kebudayaan Negeri Selangor, Seksyen 7 Shah Alam di sini pada Isnin.

Bagaimanapun, Amirudin menegaskan, kerajaan negeri tidak akan mendedahkan sebarang lokasi atau cadangan alternatif buat masa ini kerana keputusan muktamad belum dibuat.

Beliau mengakui pada peringkat awal, terdapat kekeliruan dan salah faham sehingga isu itu dilihat diputuskan secara tergesa-gesa.



**LAPORAN
MUKA
DEPAN**

Keutamaan kerajaan negeri ketika ini adalah untuk menjaga kepentingan semua pihak secara adil berhubung projek ternakan babi di Selangor.

"Isu ini sudah melampaui daripada realiti sebenar dan sebab itu kita ambil keputusan untuk tangguh serta batalkan dahulu sementara kita beri penjelasan yang jelas kepada semua pihak," katanya.

Amirudin berkata, isu berkenaan juga masih di peringkat awal dan belum dimuktamadkan kerana tiada kertas kerja atau kelulusan rasmi dikemukakan, namun persepsi awam bahawa projek akan dilaksanakan segera telah menyebabkan kekeliruan serta mendorong kerajaan negeri mengambil pendekatan lebih berhati-hati.

"Isu ini jadi pramatang. Penglibatan dengan masyarakat, penilaian impak sosial (SIA) dan proses lain sepatutnya dibuat terlebih dahulu. Kita akui mungkin ada pengumuman yang mendahului proses sepatutnya," katanya.

Beliau bagaimanapun, menafikan dakwaan sinis bahawa projek di Bukit Tagar akan dibangunkan seperti 'hotel babi'.

Selain itu, Amirudin berkata, kerajaan negeri tidak ber-

cadang membangunkan projek penternakan berskala besar seperti yang digambarkan sesetengah pihak.

"Bukan mega, bukan besar-besaran. Anggaran mungkin kira-kira 20 hingga 30 peratus (keperluan) sahaja. Dakwaan 'mega' itu berlebihan," katanya sambil menambah bahawa matlamat utama kerajaan negeri adalah untuk menyusun semula penternakan babi yang berselerak bagi mengawal isu kebersihan dan alam sekitar.

Dalam masa sama, Amirudin memberi jaminan kerajaan negeri akan terus melindungi kepentingan semua pihak termasuk pengusaha terlibat, dengan sebarang keputusan dibuat secara adil dan saksama.

"Perbincangan dengan pengusaha akan tetap diteruskan. Kita mahu penyelesaian yang adil, munasabah dan tidak menjejaskan keharmonian masyarakat," katanya.

Pada 10 Januari, Sultan Selangor menzahirkan dukacita dan tidak bersetuju dengan perancangan kerajaan negeri membenarkan operasi sementara penternakan babi di Tanjong Sepat, sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar pada 2030.

Perdana Menteri pula mengesyorkan projek ternakan babi yang menimbulkan keresahan masyarakat setempat itu dibatalkan terlebih dahulu ataupun dipindahkan di kawasan baharu yang lebih baik.

AMIRUDIN